

## **ATUR CARA MESYUARAT AGUNG KOSMA KALI KE 35 20 MEI 2017 ( SABTU )**



- 8.00 pagi : Pendaftaran Anggota-Anggota KOSMA di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang Darul Makmur
- 8.30 pagi : Anggota-Anggota KOSMA mengambil tempat di Dewan
- Bacaan Doa
- Ucapan Pengerusi KOSMA  
Y.H. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
- Penyampaian Anugerah dan Pampasan
- Mesyuarat Agung dimulakan

# SENARAI KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung	I-2
Secebis Rasa Pengerusi Koperasi Serbausaha Makmur Berhad	3
Maklumat Penting KOSMA	4
Anggota Lembaga	5
Sorotan Kalendar Sessi 2016/2017	6-9

## AGENDA MESYUARAT

- |                                                                                                                                                                                                                                      |         |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1 <b>Melantik</b> Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35 pada 20 Mei 2017.                             | 10      |
| 2 <b>Mengesahkan</b> Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-34 pada 4 Jun 2016.                                                                                                                                                      | 11-59   |
| 3 <b>Menimbang</b> Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2016/2017.                                                                                                                                              | 60-78   |
| 4 <b>Menimbang dan Meluluskan</b> Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016.                         | 79      |
| 5 <b>Menimbang dan Meluluskan</b> Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2017 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2018.                                                                                                                         | 80-95   |
| 6 <b>Meluluskan</b> Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saraan Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.                                                 | 96-97   |
| 7 <b>Menimbang dan Meluluskan</b> Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.                                                                                                                      | 98      |
| 8 <b>Menentukan</b> Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.                                                                                                                                                                             | 99      |
| 9 <b>Meluluskan</b> Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.                                                                                                | 100     |
| 10 <b>Mendengar, menimbang atau memutuskan</b> apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.                                                 | 101-103 |
| 11 <b>Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :</b>                                                                                                                                                                                 | 104-107 |
| a. Usul Pelantikan Dua ( 2 ) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.                                                                                                          |         |
| b. <b>Memilih</b> Empat ( 4 ) orang Anggota Lembaga ;Tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2017 - 2020 (3 tahun) dan satu (1) orang Anggota Lembaga untuk baki penggal 2017 - 2018 (1 tahun). |         |

# NOTIS MESYUARAT AGUNG

## KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

B8032, Jalan Teluk Sisek Sri Kuantan Square,  
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Telefon : 09-5177977 / 09-5177980

No. Faks : 09-5137190

Bil ( 5 ) dlm KSMB / SKRT / MAT-35

3 Mei 2017

Kepada :-  
Semua Anggota  
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Tuan / Puan Yang Dihormati,

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 35

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>20 Mei 2017 (Sabtu)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>8.00 pagi</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang Darul Makmur.</b>

2. Anggota - anggota adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat tersebut dan agenda-agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-
  - 2.1 **Melantik** Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35 pada 20 Mei 2017.
  - 2.2 **Mengesahkan** Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-34 pada 4 Jun 2016.
  - 2.3 **Menimbang** Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2016/2017.
  - 2.4 **Menimbang dan Meluluskan** Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016.
  - 2.5 **Menimbang dan Meluluskan** Pindaan Belanjawan Tahun 2017 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2018.
  - 2.6 **Meluluskan** Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saran Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.
  - 2.7 **Menimbang dan Meluluskan** Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.
  - 2.8 **Menentukan** Had Maksimum Keterutangan Koperasi.
  - 2.9 **Meluluskan** Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.



- 2.10 **Mendengar, menimbang atau memutuskan** apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan :
- 2.10.1 Usul Anggota Lembaga
  - 2.10.2 Usul-usul Anggota
- 2.11 **Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :**
- a. Usul Pelantikan Dua ( 2 ) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.
  - b. **Memilih** Empat ( 4 ) orang Anggota Lembaga ; Tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2017 – 2020 ( 3 tahun ), satu (1) orang Anggota Lembaga untuk baki penggal 2017-2018 (1 tahun).
3. Cadangan - cadangan yang berupa usul **hendaklah disampaikan kepada Setiausaha, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad pada atau sebelum 12 Mei 2017 jam 12.00 tengah hari.**

**'MAJU BERSAMA KOPERASI'**

**Dengan perintah lembaga,  
KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**



**AHMAD SHUKRI BIN HAJI JOHARI**  
Setiausaha

s.k. Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Negeri Pahang

**NOTA PENTING : -**

1. Seperti yang dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, Anggota - Anggota KOSMA adalah diminta supaya tidak membawa ahli keluarga yang bukan merupakan anggota KOSMA ke dalam Dewan Mesyuarat. Ahli keluarga yang mengiringi Anggota ke Mesyuarat Agung bolehlah menunggu di mana-mana tempat di luar Dewan.
2. Anggota - Anggota KOSMA adalah diingatkan **bahawa penama atau wakil mereka adalah tidak dibenarkan mengambil elaun Mesyuarat atau mengundi.** Justeru itu, Anggota-Anggota adalah dinasihatkan supaya membawa kad pengenalan masing-masing dan kad keanggotaan KOSMA bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.
3. Kaunter pendaftaran akan dibuka seperti berikut :
  - i. pada hari mesyuarat agung iaitu **20 Mei 2017** mulai dari jam **07.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi** di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Anggota-Anggota adalah diminta hadir dalam tempoh pendaftaran berkenaan **untuk melayakkan mereka mengundi.** **Kaunter** pendaftaran **lewat** akan dibuka **sehingga jam 12.30 tengah hari** bagi tujuan daftar kehadiran sahaja.

# SECEBIS RASA PENGERUSI KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.  
Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana perkenanNya jua kita bersua lagi di Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 35 KOSMA pada hari ini. Semoga kita dipanjangkan usia dan dapat bertemu lagi di tahun-tahun yang akan datang.

Seperti biasa, di antara agenda utama pada hari ini ialah memilih Anggota Lembaga KOSMA bagi mengisi empat kekosongan di mana tiga orang akan berkhidmat untuk tempoh selama tiga (3) tahun dan yang seorang lagi sehingga ke mesyuarat agung yang akan datang. Terserahlah kepada anggota-anggota untuk membuat pilihan yang terbaik berdasarkan pengamatan dan penilaian secara rasional serta berdasarkan fakta yang sahih, supaya mereka yang dipilih nanti mampu memacu KOSMA ke arah yang lebih gemilang dan terbilang setelah usianya 50 tahun.

Mengenai keuntungan KOSMA bagi tahun kewangan 2016, ianya telah meningkat sebanyak 27% berbanding tahun 2015 walaupun hasil pengeluaran menurun sedikit berbanding tahun sebelumnya. Antara faktor utama peningkatan ini adalah harga BTB yang baik bagi tahun 2016 dengan purata harga RM567/mt berbanding hanya RM432/mt bagi tahun 2015. Dengan keuntungan yang lebih baik ini, kadar dividen modal syer dan unit ladang yang boleh diagihkan kepada anggota-anggota juga mungkin tidak akan berkurang daripada tahun 2015.

Untuk makluman anggota-anggota, perniagaan-perniagaan lain KOSMA seperti KOSMA Boutique Hotel, KOSMA Business Hotel dan Hotel Bajet KOSMA yang diuruskendalikan oleh KOSMA Holdings Sdn Bhd, telah semakin meningkat maju. Perniagaan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) KOSMA pula telah mencatat keuntungan yang memberansangkan.

Setelah melalui segala suka duka dan pahit maungnya, maka pada tahun ini KOSMA merayakan Sambutan Jubli Emas, sempena ulangtahun yang ke-50 (1967-2017). Berbagai acara telah diatur dan dijalankan serta akan dijalankan sepanjang tahun 2017 ini. Di antaranya ialah Majlis Perasmian Masjid dan Kompleks Perladangan KOSMA oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang pada 10 Jun 2017 dan Jamuan Perdana yang akan diserikan dengan Keberangkatan KDYMM Sultan Pahang yang akan diadakan pada 7 Oktober 2017. Kedua-dua acara ini telah disenaraikan dalam kalender Kerajaan Negeri sempena memuliakan Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Sultan Pahang bagi tahun 2017.

Terima kasih kepada semua anggota Lembaga, pengurusan dan kakitangan serta anggota-anggota yang terus setia bersama memberikan segala bentuk sumbangan dan sokongan demi memastikan KOSMA terus maju dan cemerlang demi kemaslahatan kita bersama. Selamat bersidang demi mencari kesepakatan dan kebaikan untuk semua. Terima kasih.

  
**DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM,**  
SSAP, SIMP, DSAP, JSM., AMN

# MAKLUMAT PENTING KOSMA

## ANGGOTA LEMBAGA

### Pengerusi

Y.H. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar  
Bin Haji Ibrahim

### Timbalan Pengerusi

Y.H. Dato' Haji Zainal bin  
Haji Hassan

### Setiausaha

Tuan Haji Ahmad Shukri bin  
Haji Johari

### Bendahari

Y.H Dato' Haji Mokhtar bin  
Haji Mat Salleh

### Wakil Kerajaan

Y.B Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin  
Wan Ismail

### Wakil Kerajaan

Y.H Dato' Haji Mohamad Sahfri  
bin Ab Aziz

### Anggota Lembaga

Y.H Tok Muda Dato' Haji Asmad  
bin Haji Sulaiman

### Anggota Lembaga

Allahyarham Dato' Haji Mohd Suah  
bin Haji Burok  
(Kembali ke Rahmatullah pada 17  
Disember 2016)

### Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Haji Khadri bin Musa

### Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Hajjah Nazilah bt  
Abd Latif

### Anggota Lembaga

Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad

### Anggota Lembaga

YH Dato' Shahbudin bin  
Imam Mohamad  
(Dilantik sebagai Anggota Lembaga  
pada 1 Februari 2017)

## MAKLUMAT PENGURUSAN IBU PEJABAT DAN LADANG

### Pengurus Kewangan

Encik Shamsul Anuar bin Hussin  
(menjalankan tugas Pengurus Besar)

### Pengurus Pentadbiran

Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali

### Setiausaha Eksekutif


Encik Abdul Ghafar bin Hussin

### Pengurus Kanan Ladang

Encik Kamarudin Arifin bin Idris  
Encik Yusof bin Jaafar

### Pengurus Ladang

Encik Mohd Razuan bin Mustapa Kamar  
Encik Muhamad Rizal bin Abdul Hadi  
Encik Zaharim bin Zainuddin



## ALAMAT BERDAFTAR KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

B 8032, Sri Kuantan Square  
Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

### SYARIKAT SUBSIDIARI

KOSMA Tourism Sdn Bhd (100%)  
KOSMA Holdings Sdn Bhd (100%)

## SYARIKAT BERSEKUTU MENGURUSKAN KILANG KOSMA

Wujud Wawasan Sdn Bhd (49%)

### YAYASAN

Yayasan KOSMA

### BANK-BANK

1. CIMB Berhad
2. Bank Muamalat (M) Berhad
3. Malayan Banking Berhad
4. Ar Rajhi Bank
5. RHB Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. OCBC Al-Amin Bank Berhad

## KEANGGOTAAN DALAM KOPERASI LAIN

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia :  
Modal Syer - RM1,022,965  
(sehingga Disember 2016)
2. Bank Persatuan Malaysia Berhad :  
Modal Syer – RM639,004.35  
(sehingga Disember 2016)
3. Konsortium Penyelaras Koperasi  
Negeri Pahang Berhad :  
Modal Syer – RM20,000  
(sehingga Disember 2016)

## JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

### Ketua

YH Dato' Abdul Manan bin Abdul Rahman

### Setiausaha

Encik Ibrahim bin Ali

### AJK

Encik Muslim bin Umar  
Encik Ahmad Zamri bin Ab Aziz  
Encik Ismail b Abdul Rahman

## JURUAUDIT LUAR

Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar  
(Aftaas)  
No. 60 Jalan Putra Square 7  
Putra Square  
25200 Kuantan, Pahang

## PEGUAM

Tetuan Zainur Zakaria & Co  
Advocates & Solicitors  
D-3-10, Plaza Damas  
No 60 Jalan Sri Hartamas Satu  
50480 Kuala Lumpur

Tetuan Daeng Khatijah & Amran  
Peguambela & Peguamcara  
A37, 2nd Floor,Wisma KPKP  
Jalan Gambut 2, P.O.Box 18  
25000 Kuantan, Pahang

Tetuan Noorhuda & Partners  
Peguambela & Peguamcara  
B-8028 2nd Floor  
Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek  
25000 Kuantan, Pahang

# ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA



## Duduk dari kiri

1. YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
2. YH Dato' Haji Mokhtar bin Mat Salleh
3. YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
4. YH Dato' Haji Zainal bin Hassan
5. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz

- Wakil Kerajaan
- Bendahari
- Pengerusi
- Timbalan Pengerusi
- Wakil Kerajaan

## Berdiri dari kiri

1. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari
2. YH Dato' Haji Khadri bin Musa
3. YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif
4. Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad
5. YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Sulaiman

- Setiausaha
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga

## Tiada dalam gambar

6. YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok  
(Telah kembali ke Rahmatullah pada 17 Disember 2016)
7. YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad  
(Bermula 1 Februari 2017)

- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga

# SOROTAN KALENDAR SESSI 2016/2017

**23 OGOS 2016**

## MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KUANTAN



**4 JUN 2016**

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 34 DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



**4 JUN 2016**

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 34

DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



**4 JUN 2016**

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 34

DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



# SOROTAN KALENDAR SESSI 2016/2017

**22 JULAI 2016**

## JAMUAN HARI RAYA

DI KUMPULAN PERLADANGAN KOSMA



**25 JULAI 2016**  
**MAJLIS MENANDATANGANI**  
**PERJANJIAN AGENSI**  
**PENGURUSAN LADANG**



**10 OGOS 2016**

## LAWATAN OLEH KOPERASI SRI NARA

KG KUNDUR HULU PEDAS BERHAD



**1 OKTOBER 2016**

## PROGRAM MOTIVASI NLP PECUTAN AKHIR SPM

YAYASAN KOSMA



# SOROTAN KALENDAR SESSI 2016/2017

**OKTOBER 2016**  
**LAWATAN OLEH DELEGASI**  
**KOPERASI JOHOR**



**3 MAC 2017**  
**PENYERAHAN DUA (2) UNIT VAN**  
**UNTUK KEGUNAAN MASJID**



**11 MAC 2017**  
**KEJOHANAN FUTSAL SEMPENA JUBLI EMAS KOSMA**



**APRIL 2017**  
**KEJOHANAN BADMINTON SEMPENA JUBLI EMAS KOSMA**



# SOROTAN KALENDAR SESSI 2016/2017

**31 MAC - 1 APRIL 2017  
MAJLIS PELANCARAN JUBLI EMAS  
DAN MINI KARNIVAL KOSMA**



**31 MAC - 1 APRIL 2017  
MAJLIS PELANCARAN JUBLI EMAS  
DAN MINI KARNIVAL KOSMA**



**31 MAC - 1 APRIL 2017  
MAJLIS PELANCARAN JUBLI EMAS  
DAN MINI KARNIVAL KOSMA**





**AGENDA : 1  
KERTAS BIL :  
KMA.01/2016**

MELANTIK SATU JAWATANKUSA YANG TERDIRI  
DARIPADA ENAM ANGGOTA DAN EMPAT ORANG  
ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK  
MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN KE-35 PADA 20 MEI 2017

## **1.0 TUJUAN**

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung melantik satu Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung KOSMA ke-35 pada 20 Mei 2017.

## **2.0 MAKLUMAN**

Undang-Undang Kecil 32 ( 1 ) ( 1 ) berbunyi :-

Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan.

## **3.0 KEPUTUSAN**

Mesyuarat Agung adalah disyorkan untuk :-

- 3.1 Melantik enam orang Anggota KOSMA sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 35 dan
- 3.2 Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk memilih empat orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA ke-35.

MENGESAHKAN MINIT  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-34  
PADA 4 JUN 2016

AGENDA : 2  
KERTAS BIL :  
KMA.02/2016

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-34 telah pun dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-34 pada 4 Jun 2016 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.

**Dato' Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim**  
Pengerusi

**Dato' Haji Zainal  
bin Hassan**  
Timbalan Pengerusi

**Ahmad Shukri bin  
Haji Johari**  
Setiausaha

**Dato' Haji Mokhtar bin  
Haji Mat Salleh**  
Bendahari

**Dato' Haji Abdullah  
bin Majid**  
Anggota Jawatankuasa

**Haji As'ari bin  
Haji Yaacob**  
Anggota Jawatankuasa

**Haji Hashim bin  
Awang Sulong**  
Anggota Jawatankuasa

**Haji Abdullah bin  
Abu Bakar**  
Anggota Jawatankuasa

**Ahmad Mustaffa bin  
Haji Zainal Abidin**  
Anggota Jawatankuasa

**Kamarulzaman bin Hassan**  
Anggota Jawatankuasa



# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-34

TARIKH : **04 JUN 2016 (SABTU)**

MASA : **09.00 PAGI**

TEMPAT : **DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
JALAN TELUK SISEK, KUANTAN**

## KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	- Pengerusi
YH Dato' Haji Zainal bin Haji Hassan	- Timbalan Pengerusi
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	- Setiausaha
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	- Bendahari
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	- Wakil Kerajaan
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	- Wakil Kerajaan
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	- Anggota Lembaga
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	- Anggota Lembaga
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	- Anggota Lembaga
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	- Anggota Lembaga

## TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	- Anggota Lembaga
----------------------------------------	-------------------

## A. KEHADIRAN ANGGOTA

Jumlah kehadiran anggota adalah seramai 1241 orang (Termasuk Anggota Lembaga dan anggota yang mendaftar lewat) – LAMPIRAN 'A'

## B. TURUT HADIR :-

Encik Mohd Nasir bin Mohd Nor	- Ketua Pen. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang
-------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------



Encik Thomas Chong

- Tetuan McMillan Woods Thomas  
Juruaudit luar

## C. BACAAN DOA

Dipimpin oleh Al Fadil Tuan Dr Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Pahang (No. Anggota:2100).

## D. UCAPAN OLEH PENGERUSI KOSMA

**YH DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM – LAMPIRAN 'B'**

### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 34

#### ALUAN PENGERUSI

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Mesyuarat memberi salam dan mengalukan Anggota Lembaga serta semua anggota yang hadir serta mengisyiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 34 dimulakan. Seterusnya beliau mengumumkan kehadiran anggota yang telah mendaftar sehingga jam 10.10 pagi berjumlah 1,000 orang dan angka ini mencukupi kuorum. Beliau memaklumkan bahawa Notis Mesyuarat Agung ini telah dihantar awal bersama buku Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan 2015. Beliau juga berharap agar Mesyuarat Agung pada hari ini berjalan dengan baik dan lancar. Manakala sehingga pukul 11.00 pagi, kehadiran anggota berjumlah 1,212 orang iaitu jumlah anggota yang layak mengundi.

Beliau juga menyatakan bahawa aturan Mesyuarat Agung Tahunan telah dimaklumkan kepada Anggota setiap kali Mesyuarat Agung diadakan. Beliau juga mengingatkan setiap anggota supaya bercakap sekali sahaja bagi setiap agenda dan tidak mengemukakan soalan yang sama berulangkali. Anggota juga perlu menyatakan nama dan nombor anggota serta tidak dibenarkan menyentuh isu adat resam, budaya dan agama.

Sebelum mesyuarat dimulakan, beliau mohon maaf atas kesilapan maklumat di dalam Buku Laporan Tahunan 2015 dan ralat telahpun diedarkan berkaitan dengan jumlah kehadiran anggota serta Lampiran A – Senarai Kehadiran Anggota iaitu kesilapan terhadap catatan kehadiran melibatkan 15 orang anggota.

## 1.0 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE – 34 PADA 4 JUN 2016 – KMA 01/2015.

- 1.1 **YH Dato' Sri Pengerusi** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 01/2015 (Muka surat 12) iaitu Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-34 pada 4 Jun 2016 mengikut Undang – undang Kecil 32 (1) (l) yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga berdasarkan UUK 32 (1) (l).



- 1.2 Pencalonan yang telah mendapat sokongan seperti berikut :-
  - i. Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623) mencadangkan **Tuan Haji As'ari bin Haji Yaacob (Anggota : 0834) dan YH Dato' Abdullah bin Majid (Anggota : 2365)**.
  - ii. Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin (Anggota: 2028) mencadangkan **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969)**
  - iii. Encik Abdullah @ Mohd Nor b. Abd Ghafar (Anggota : 2094) mencadangkan **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota: 2074 )**.
  - iv. Tuan Haji As'ari bin Haji Yaacob (Anggota: 0834) mencadangkan **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623)**.
  - v. Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623) mencadangkan **Tuan Haji Abdullah bin Abu Bakar (Anggota: 2059)**
- 1.3 Atas cadangan **Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin (Anggota : 2028)** pencalonan ditutup dan disokong oleh **Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409)**.
- 1.4 Senarai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-34 adalah seperti berikut :-
  - i. **Tuan Haji As'ari bin Yaacob (Anggota : 0834)**
  - ii. **YH Dato' Abdullah bin Majid (Anggota : 2365)**
  - iii. **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969)**
  - iv. **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
  - v. **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)**
  - vi. **Tuan Haji Abdullah bin Abu Bakar (Anggota : 2059)**
- 1.5 Mesyuarat bersetuju supaya Jawatankuasa yang dilantik ini mengadakan mesyuarat dalam tempoh sebulan dari tarikh Mesyuarat Agung ini diadakan. Mesyuarat Agung pada hari ini juga bersetuju enam (6) orang anggota yang dipilih seperti di atas dan empat (4) orang Anggota Lembaga berjawatan iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dilantik sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke 34.

## **2.0 MENGESEHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-33 PADA 13 JUN 2015 – KMA 02/2015**

- 2.1 **Tuan Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 02/2015 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-33 pada 13 Jun 2015 (Muka surat 13 - 64). Beliau juga memaklumkan bahawa minit tersebut telahpun ditentusahkan oleh Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung dan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan Akta Koperasi 1993 Seksyen 14 (1).
- 2.2 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** ingin membuat teguran bagi catatan berikut ;
  - i. Muka surat 22 perkara 4.7 (i), beliau mencadangkan 'ditubuhkan Jabatan Perladangan' dan bukannya seperti yang dicatatkan di barisan akhir iaitu 'memantapkan Jawatankuasa Perladangan'. Maksud beliau di dalam Jabatan tersebut terdiri dari pegawai-pegawai berwibawa dan bertauliah untuk mengendalikan aktiviti perladangan KOSMA. Ini juga melibatkan kos jauh



dari peruntukan RM2 juta seperti yang dibayar kepada agen perladangan. Beliau mohon agar minit ini diperbaiki.

- ii. Muka surat 22 perkara 4.9, perkara sebenar yang beliau bangkitkan adalah mengenai kadar perahan minyak (OER) yang dicapai oleh KOSMA iaitu sebanyak 20% dan KOSMA harus mengemukakan berapa kadar OER yang patut dicapai oleh KOSMA dan kerugian yang ditanggung Koperasi akibat daripada kekurangan (shortage) tersebut.
- 2.3 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa cadangan ini boleh dikemukakan pada tahun depan secara bertulis dan terperinci. Tujuan minit ini dibentangkan bukan untuk menambah baru catatan yang direkod.
- 2.4 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed** menyatakan bahawa perkara ini telah beliau bawa melalui usul yang dibentangkan di Mesyuarat Agung dua (2) tahun lalu dan ia juga telah diterima secara dasar namun masih belum ada perlaksanaan. Beliau hanya menerangkan kesalahan pada minit tersebut. Beliau menyatakan bahawa minit harus tepat dengan apa yang dibangkitkan oleh anggota.
- 2.5 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa minit ini telah dihantar awal dan anggota perlu memaklumkan awal sekiranya hendak membuat pembetulan terhadap minit tersebut.
- 2.6 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2745)** merujuk muka surat 28 perkara 10.2.1 dan ingin mengetahui perkembangan terkini mengenai usul yang dicadangkan oleh **Encik Ab Gafa bin Keme (Anggota : 1961)** berkenaan isu tanah 'tapping right'.
- 2.7 **YH Dato' Pengerusi** menegaskan bahawa minit ini perlulah disahkan terlebih dahulu sebelum anggota ingin membangkitkan sebarang pertanyaan atau perkembangan mengenai apa juu perkara yang berkaitan.
- 2.8 **Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2028)** mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 33 pada 13 Jun 2015 ini disahkan dan disokong oleh **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969)** dan serta dipersetujui sebulat suara oleh mesyuarat agung.

### **3.0 MENIMBANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2015 – KMA 03/2015**

- 3.1 **Tuan Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 03/2015 iaitu Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2015 (muka surat 65-84 ).
- 3.2 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)**:
  - i. Terlebih dahulu beliau mohon Anggota Lembaga KOSMA untuk menerima dan mengambil maklum apa juu pandangan anggota kerana Mesyuarat Agung adalah tempat bagi anggota untuk mengemukakan pandangan dan teguran. Beliau juga berpandangan Mesyuarat Lembaga akan datang ini dapat membincangkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.
  - ii. Merujuk muka surat 79, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD), beliau mendapat



JKAD telah mengadakan perjumpaan sebanyak 38 kali tidak termasuk seminar dan kursus yang dihadiri. Aktiviti yang dijalankan merangkumi hasil pengauditan ke atas aktiviti Kewangan, Pentadbiran, Sekretariat, Operasi Ladang, Perhotelan, Ar Rahnu dan Yayasan KOSMA Namun begitu hanya dua (2) sahaja laporan yang dibentangkan iaitu mengenai keanggotaan tanpa penama serta kegagalan anggota mengemukakan akaun bank. Laporan ini dibuat kesimpulan seperti berikut :

*'Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 2003 dan Peraturan-peraturan Koperasi 2010, pihak JKAD keseluruhannya melaporkan bahawa berpuas hati dengan perjalanan Koperasi di segi tahap kawalan sedia ada dan perakaunan. Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai asset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.'*

Tambah beliau semestinya terdapat laporan lain selain daripada dua (2) laporan yang dibentangkan tersebut. Beliau juga mohon maaf sekiranya terkasar bahasa semasa membuat teguran dan menyampaikan pandangan beliau.

### 3.3 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A) :**

- i. Merujuk muka surat 69 perkara 4.3 – Jawatankuasa Perladangan, beliau mendapati Jawatankuasa Perladangan terdiri dari 13 orang iaitu 11 Anggota Lembaga dan 2 orang anggota biasa. Hanya 2 perkara yang dilaporkan di dalam aktiviti perladangan tersebut. Beliau juga berpendapat bahawa skop Jawatankuasa Perladangan meliputi banyak perkara dan ia sepatutnya membincangkan perkara-perkara yang agak kritikal seperti situasi industri sawit terkini.
- ii. Seterusnya, beliau merujuk muka surat 71 perkara 4.5 mengenai aktiviti Jawatankuasa Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan. Beliau mengucapkan tahniah kerana berdasarkan kepada laporan aktiviti yang dibentangkan, Majlis Mesra Anggota pada tahun ini telah dihadkan kepada tiga (3) tempat sahaja. Ini merupakan satu pembaharuan yang baik malah kehadiran anggota juga akan lebih ramai bagi setiap majlis yang diadakan. Namun apa yang dibangkitkan oleh anggota tidak dicatatkan di dalam minit ini. Sebagai contoh di Kuala Lumpur beliau ada membangkitkan mengenai beberapa perkara, antaranya adalah masalah kekurangan Tenaga Kerja Asing (TKA). Berdasarkan laporan, dengan jumlah seramai 758 orang buruh dan kekurangan sebanyak 226 orang buruh. Beliau mempersoalkan apakah program mekanisasi yang digunakan. Sekiranya 50% daripada keseluruhan kawasan boleh dimekanisasikan dan dimanfaatkan, sebenarnya ladang mempunyai jumlah TKA yang lebih dari mencukupi.
- iii. Beliau menambah mengenai Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) dan menegur hanya empat (4) kali pemeriksaan Ladang dijalankan. Kemungkinan ini disebabkan oleh kekurangan masa, tenaga dan struktur JKAD tersebut malah skop JKAD adalah luas yang mencakupi bukan sahaja perladangan malah perniagaan dan aktiviti selain dari sektor tersebut. Beliau mencadangkan JKAD bagi pengauditan perladangan diadakan khas supaya dapat diperbaiki apa juu kelemahan khususnya berkaitan penghasilan dan OER.

### 3.4 **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969)** menyentuh lagi mengenai isu Jawatankuasa Perladangan dan mencadangkan KOSMA melantik anggota yang berkemahiran dalam bidang Perladangan.

### 3.5 **YH Dato' Sri Pengurus** menjawab :

- i. Bagi soalan mengenai Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD), mereka boleh menjalankan aktiviti



pengauditannya pada bila-bila masa. Sekiranya dibuat pecahan seperti yang dicadangkan, keahlian JKAD perlu ditambah dan perlu mendapat kebenaran dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu. Pandangan tersebut akan diambil perhatian dan boleh diteliti semula bagaimana perlaksanaan pembahagian tugas JKAD. Dari segi Laporan JKAD isu-isu dan teguran yang telah diselesaikan tidak dibentangkan di dalam laporan ini. Namun begitu JKAD sentiasa mengemukakan laporannya kepada Anggota lembaga dari semasa ke semasa.

- ii. Berhubung dengan Jawatankuasa Perladangan, tidak semestinya ia perlu diwujudkan. Keahlian Jawatankuasa yang ramai merupakan kehendak segelintir Anggota Lembaga juga. Perkara ini akan dikaji semula samada perlu diwujudkan atau sebaliknya.
- 3.6 **Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin (Anggota : 2028)** merujuk muka surat 72 perkara 4.7, iaitu Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-anggota KOSMA. Beliau hanya ingin menyentuh mengenai cadangan penambahan Unit Ladang bagi Anggota KOSMA kepada lima (5) unit ladang ini merupakan usaha supaya mereka dapat mempertingkatkan jumlah unit ladang tersebut. Namun beliau mohon kepada Anggota Lembaga untuk memikirkan cadangan penambahan unit ladang tersebut kepada anggota senior yang lebih memerlukannya.
- 3.7 Bagi menjawab soalan tersebut, **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa Unit Ladang yang dipegang oleh Koperasi kekal dengan pegangan 51% walaupun terdapat cadangan menambah peratusan tersebut kepada pegangan anggota. Malah anggota yang sudah memiliki unit ladang yang banyak juga mahu mendapat tawaran ini. Jika pegangan Koperasi semakin berkurangan, maka KOSMA tidak lagi boleh memberi dividen sebanyak 30% malah tidak dapat membeli bangunan atau apa jua aset. Perkara ini perlu dikaji sedalamnya melainkan ada penambahan ladang baru, kemudian barulah boleh dipertimbangkan cadangan penambahan unit ladang tersebut. Sekiranya ada penambahan ladang kelak, Koperasi kemungkinan boleh membuat cadangan penambahan saham tanpa melibatkan sistem unit ladang.
- 3.8 **YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif (Anggota : 2465-A)** mengucapkan salam kepada semua hadirin dan ingin mencadangkan agar KOSMA mengusahakan supaya membeli ladang baru bagi membolehkan cadangan penambahan Unit Ladang boleh dilaksanakan kepada anggota. Beliau mendapati hasil dari keuntungan yang diperolehi banyak dilaburkan bagi membeli bangunan seperti bangunan di Jerantut dan Temerloh sedangkan aktiviti utama KOSMA adalah perladangan. Beliau berharap KOSMA tidak banyak mengeluarkan perbelanjaan bagi perkara-perkara yang lain yang tidak berkaitan.
- 3.9 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2745)** menambah sekiranya tiada tanah kosong sesuai untuk dibeli, KOSMA perlu mengekalkan dan mengusahakan tanah ladang sedia ada sahaja. Walau bagaimanapun Wakil Kerajaan boleh memikirkan dan berusaha untuk mendapatkan tanah baru kepada KOSMA.
- 3.10 **YH Dato Bendahari** menjelaskan bahawa KOSMA telah banyak berusaha untuk mendapatkan tanah baru dan telah memohon kepada Kerajaan Negeri tetapi ianya bukanlah perkara yang mudah.
- 3.11 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan walaupun KOSMA telah membeli tanah ladang dan



mengimplementasikan cadangan tersebut, tidak semestinya anggota mendapat pulangan dividen seperti sekarang. Ia mengambil masa dan memerlukan modal yang besar dalam melaksanakan perkara ini.

- 3.12 Merujuk kepada perkara yang dibahaskan, **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abdul Rahman (Anggota : 2175)** berpandangan bahawa perkara ini memerlukan pendekatan dan kajian yang lebih terperinci. Berdasarkan maklumat terkini, seramai 886 anggota telah memiliki syer sebanyak 50 ribu unit. Sekiranya 1,702 anggota menggenap pemilikan syer tersebut sebanyak 50 ribu unit akan menjadikan modal syer meningkat kepada RM85 juta. Bagaimana pembayaran dividen syer sebanyak 30% boleh dilaksanakan dan ini akan mendatangkan masalah kepada KOSMA. Sekali lagi beliau menegaskan bahawa perkara ini perlu dikaji secara keseluruhannya.
- 3.13 **YH Dato' Sri Pengurus** menyatakan bahawa pandangan itu diterima.
- 3.14 Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini bersetuju sebulat suara menerima Laporan lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2015.

#### **4.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN – AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA JIKA ADA TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 – KMA 04/2015**

- 4.1 **YH Dato' Bendahari** membentangkan kertas Bil:KMA.04/2015 Menimbang dan Meluluskan :-
- Akaun – akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 (muka surat 1-56)
  - Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 KOSMA Tourism Sdn Bhd (muka surat 1-19)
  - Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 KOSMA Holdings Sdn Bhd (muka surat 1-19)
- 4.2 Sebelum membuka pembentangan kepada anggota, terlebih dahulu beliau merujuk kepada beberapa perkara di dalam laporan kewangan ;
- Merujuk kepada Laporan Kewangan, muka surat 1 , perkara (e) beliau memaklumkan cadangan oleh Koperasi bagi membuat peruntukan-peruntukan seperti Dividen Modal Syer, Dividen Unit Ladang serta Kumpulan Wang Tabung-Tabung oleh Koperasi serta Honorarium Lembaga untuk diluluskan pada Mesyuarat Agung pada hari ini.
  - Manakala di muka surat 3, YH Dato' Bendahari memaklumkan bahawa Juruaudit Luar telah memperakarkan penyata kewangan Koperasi merupakan akaun yang bersih serta telah disediakan dengan wajar dan sempurna.
  - Secara ringkasnya, prestasi kewangan koperasi dan Unit Ladang bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 agak menurun sedikit berbanding tahun 2014. Keuntungan bersih Koperasi dan Unit Ladang bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah RM27,753,169 dan RM19,932,640 masing-masing. Ini menjadikan keuntungan bersih keseluruhan sebanyak RM47,685,809.



- 4.3 Berdasarkan kepada laporan yang dibentangkan, **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)** ingin mendapat kepastian adakah semua Kumpulan-Kumpulan Wang yang diperuntukan boleh mendapatkan pengecualian cukai untuk Koperasi. Sekiranya ada syarat-syarat yang tidak ditepati, beliau memohon agar perkara ini diperbetulkan. Beliau juga berpendapat akaun yang dibentangkan ini yang telah diaudit oleh pihak profesional telah disediakan dengan tersusun dan teratur.
- 4.4 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bahawa semua Tabung-tabung yang dibentangkan tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan pengecualian cukai dan KOSMA memperolehi potongan cukai sebanyak 8 % dari jumlah keseluruhan Kumpulan Wang tersebut pada setiap tahun.
- 4.5 **Encik Jisshaelyz bin Hamzah (Anggota : 2819)** menyatakan bahawa beliau telah meneliti Laporan Kewangan dan ingin menarik perhatian mengenai beberapa perkara :
- Bahawa beberapa aktiviti perniagaan yang baru diwujudkan perlu dipertimbangkan semula dan dibincangkan oleh Anggota Lembaga atau ditubuhkan Jawatankuasa Khas. Beliau berpendapat bahawa perniagaan tersebut menampakkan makin merudum seperti Ar Rahnu dan perhotelan. KOSMA terpaksa menanggung liabiliti daripada hasil perladangan bagi menutup kerugian-kerugian tersebut. Pada pandangan beliau perkara ini perlu dikaji selidik semula dan memohon KOSMA mencari kaedah-kaedah supaya Koperasi tidak mengalami kerugian melalui aktiviti perniagaan tersebut.
  - Menyentuh mengenai isu majlis perjumpaan anggota KOSMA yang diadakan, anggota yang hadir dibayar elauan kehadiran. Beliau berharap agar perkara ini dapat dibincangkan agar ia dapat dilaksanakan dengan lebih baik malah kalau perjumpaan tersebut kemungkinan boleh diadakan dalam masa satu hari sahaja.
  - Beliau berharap anggota diberi ruang untuk memberi pandangan atau menegur perkara yang tidak lari daripada kandungan laporan yang dibentangkan supaya perkara-perkara yang dibangkitkan dapat dibincangkan untuk kebaikan bersama dan bukan bertujuan menghentam mana-mana pihak.
  - Akhir sekali, beliau juga ingin menyentuh mengenai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Adalah tidak tepat bila dikatakan bahawa SKM mendengar sebelah pihak sahaja. Malah perkara yang diputuskan oleh pihak SKM dan dikeluarkan kepada KOSMA untuk digunakan bukanlah perkara yang baru. Berdasarkan Akta Koperasi Seksyen 82 dan 83 juga, maka semua pertikaian dibawa ke Tribunal dan KOSMA juga mempunyai hak seluasnya untuk membela diri.
- 4.6 **YH Dato' Mohamad Sahfri bin Ab Aziz** selaku Pengurus Jawatankuasa KOSMA ingin memberi penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan mengenai Ar Rahnu ;
- Ar Rahnu yang telah dibuka bermula November 2014 baru 18 bulan beroperasi dan telah berjaya untuk menyelesaikan segala pinjaman dan modal Ar Rahnu tersebut dalam tempoh tiga (3) tahun. Ar Rahnu telah menggunakan peruntukan sebanyak RM4.5 juta dari peruntukan RM7 juta yang disediakan oleh KOSMA. Berdasarkan laporan Akaun Untung rugi Ar-Rahnu telah menampakkan keuntungan dan bukannya rugi seperti yang dinyatakan oleh Encik Jisshaelyz. Malah bagi tahun 2014, angka kerugian yang dicatatkan adalah sebanyak RM193,879 namun begitu bagi tahun 2015, kerugian dicatatkan hanya RM19,704 sahaja.



- ii. Beliau menambah setakat yang terkumpul sehingga bulan April 2016, keuntungan yang telah dicapai iaitu sebanyak RM50,896 menjadikan keuntungan bersih yang diperolehi RM30 ribu dalam tempoh setahun 6 bulan. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada kakitangan begitu komited menguruskan operasi Ar Rahnu. Beliau juga belum pernah menemui Ar Rahnu sebaik pencapaian dan pengurusan seperti Ar Rahnu KOSMA. Di dalam kesempatan ini juga, beliau menyatakan bahawa keahlian Ar Rahnu yang terdiri dari anggota KOSMA masih kurang berbanding dengan orang luar. Harapan beliau agar anggota-anggota KOSMA sama-sama membantu bagi memajukan lagi Ar Rahnu KOSMA.
- 4.7 **YH Dato' Dr Omar bin Othman (Anggota :2299)** mohon penjelasan mengenai beberapa perkara ;
- Muka surat 54 mengenai iaitu Yuran Guaman sebanyak RM588,056 bagi tahun 2015. Beliau juga ingin bertanya berapa lagi jumlah kes yang masih tertangguh di mahkamah.
  - Berhubungan dengan isu penambahan Unit Ladang pula, jika tidak mampu untuk mendapatkan tanah, beliau juga menyarankan agar mengisukan Unit Bangunan pula.
- 4.8 Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan **Tuan Setiausaha** menjelaskan ;
- Sebahagian besar kos yuran guaman tersebut adalah melibatkan bayaran 'bill of cost' yang dibayar kepada peguam-pegawai KOSMA terdahulu yang mengendalikan kes-kes pengkorporatan. Jumlah yang dituntut oleh bekas Peguam melebihi RM2.6 juta tetapi jumlah yang ditaksir oleh mahkamah hanya RM250 ribu sahaja.
  - Selain itu, KOSMA perlu membayar sebanyak RM40 ribu bagi kes CIMB Bank manakala kes-kes yang masih belum selesai kebanyakannya melibatkan 'bill of cost' dan ini akan dituntut oleh Peguam dari semasa ke semasa dan seterusnya selepas ditaksir oleh Mahkamah , mahkamah akan mengenakan 10% dari jumlah yang dituntut. Selain itu, kes pertikaian antara majikan dan pekerja masih di peringkat Tribunal Koperasi.
- 4.9 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyambung penjelasan oleh Setiausaha mengenai kes mahkamah, iaitu tuntutan sebanyak RM59 juta oleh peguam terdahulu telah ditolak dan kemudiannya ianya dituntut mengikut kes-kes yang telah dikendalikan.
- 4.10 **YH Dato' Abdul Rahman bin Haji Osman (Anggota :2099 )**, menyentuh mengenai laporan kewangan yang dikatakan bersih tadi dan mahu semua akaun tersebut mematuhi syariah. Beliau menyatakan bahawa perkara yang melibatkan riba tidak akan menambah malah akan mengurangkan dan Allah tidak sukaan sesuatu yang ada unsur tersebut. Semua bank juga mempunyai sistem yang mematuhi syariah.
- 4.11 **YH Dato' Sri Pengerusi** menerima baik pandangan tersebut.
- 4.12 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota :0921-A)** mengemukakan pertanyaan mengenai nota-nota akaun yang tidak ada dinyatakan tentang liabiliti kontigen dan berpendapat perkara itu perlu dimasukkan dalam nota akaun.
- 4.13 **Pengurus Kewangan** yang menjalankan tugas-tugas Pengurus Besar memaklumkan berdasarkan



Laporan Kewangan berakhir 31 Disember 2015 yang telah diaudit oleh Juruaudit Luar yang berdaftar dengan Audit Oversight Board (AOB) seperti arahan pihak SKM, penyata kewangan ini telahpun dibincangkan dengan pihak Juruaudit Luar dan pada kebiasaananya jika terdapat ‘contingent liability’ atau liabiliti luar jangka maka Juruaudit Luar akan memasukkannya sebagai nota kaki. Saranan yang dikemukakan tadi akan dipertimbangkan namun setakat 31 Disember 2015, belum ada liabiliti luar jangka yang perlu dimasukkan sebagai nota kaki.

- 4.14 Di atas cadangan yang dikemukakan oleh **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)** dan sokongan oleh **Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin (Anggota : 2028)** mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima pembentangan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarnya, termasuk Pembahagian Keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015.

## **5.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN BELANJAWAN 2016 DAN ANGGARAN BELANJAWAN 2017 – KMA 05/2015**

KOSMA amat memerlukan peruntukan yang besar bagi mengisi tabung-tabung kebajikan, pendidikan, khairat kematian, penebusan syer dan tanam semula. Peruntukan pembangunan dan pengurusan pentadbiran baik di Ladang mahupun di Ibu Pejabat juga makin tambahmeningkat tahun demi tahun. Peruntukan bagi kemudahan asas untuk pekerja-pekerja ladang dan pekerja-pekerja asing tidak diabaikan oleh KOSMA selama ini sebagai faktor penting yang menjadi daya tarikan dalam sektor perladangan.

#### **Saudara-saudari sekalian,**

Merujuk kepada kedudukan Keanggotaan KOSMA yang terkini, lebih 50% adalah Anggota-Anggota baharu daripada 1,702 orang Anggota. Bilangan ini terus bertambah dari masa ke semasa yang mana akhirnya Anggota asal akan lenyap. Oleh itu saya berharap sangat-sangat mereka ini mengambil berat dan menghayati sejarah perkembangan KOSMA lebih mendalam. Diharap mereka semua hadirlah dalam mana-mana majlis penerangan dan Mesyuarat Agung Tahunan seperti ini. Insya Allah, KOSMA akan menjemput mereka ini untuk beramah mesra sambil mendengar taklimat khas dalam masa terdekat. KOSMA tidak mahu mereka dipengaruhi cerita-cerita dari jauh atau dari mereka yang berkepentingan. Barulah identiti KOSMA terus berkekalan di landasan yang betul. Telah menjadi lumrah kepada KOSMA apabila tiba masa pemilihan Anggota Lembaga, maka wujudlah hamba Allah yang terdiri sama ada anggota Lembaga sendiri, bersama calon-calon tertentu telah menimbulkan bermacam-macam isu



diadakan dari yang sekecil-kecil isu mahupun isu-isu lama yang telah berlalu.

Kepada golongan ini, saya selalu menyarankan supaya mereka mengenali dari dekat apa itu KOSMA dengan penuh bertanggungjawab. Mereka mengandaikan KOSMA ini dipimpin oleh Anggota Lembaga yang tidak memahami undang-undang. Mereka melontarkan kritikan yang berbagai-bagai. Telah lebih 10 tahun saya memimpin KOSMA dengan mengalami bermacam-macam masalah dan keranah yang timbul telah diselesaikan bagi meletakkan kedudukan KOSMA hingga ke tahap sekarang. Sebenarnya, KOSMA sendiri tiada masalah, yang menjadi masalah kepada KOSMA ialah ada diantara Anggota KOSMA sendiri yang bermasalah.

Mengapa mereka beria-ia benar mengangkat dan menonjolkan diri sambil bercita-cita besar konon untuk membaikpulih dan mengambil alih pimpinan KOSMA ini, dengan menuding jari kerana anggapan mereka, pimpinan selama ini lemah dan menyalahi undang-undang. Untuk pengetahuan Anggota sekalian, bahawa KOSMA sentiasa diselia, diselidik, dinasihat, dipantau oleh pihak SKM Negeri, dan SKM Pusat sepanjang masa. Pegawai-pegawai mereka berkebolehan lagi mahir menunjuk ajar, membentulkan hala tuju KOSMA dari semasa ke semasa. KOSMA juga mengharapkan supaya pihak SKM sentiasa sedia menerima dan mendengar apa juaduan dari anggota koperasi yakni hendaklah diambilkira dari kedua-dua pihak.

KOSMA telah dapat mengembalikan kedudukan dan haknya melalui undang-undang dengan guaman yang cekap. Hampir 3 tahun kita turun naik mahkamah. Kilang KOSMA terbengkalai hampir menjadi besi buruk, ladang terbiar semak samun, kurus kering, tidak dapat sebarang hasil. Apalagi untuk mendapatkan dividen, jauh bumi dengan langit demi faedah Anggota.

### **Saudara-saudari sekalian,**

Mengikut kata orang bijak :

- 1) Kita yang mengaku diri kita bersih dan berpengetahuan dalam semua perkara , tetapi sebenarnya kita yang kurang bijak.
- 2) Kita yang mengaku diri kita cerdik, Kita yang banyak bercakap, kata lebih-lebih biasanya kitalah yang tidak pandai dan malas buat kerja.
- 3) Kita yang selalu "mengkondem", merendah dan menidakkann orang lain dengan kritikan yang bukan-bukan sebenarnya kitalah yang paling hina di sisi Allah S.W.T.

Saya berharap, biarlah pilihan kita pada bila masa pun, hendaklah dengan fikiran yang tenang, sabar serta bijaksana supaya tidaklah kita dipersia-siakan kepercayaan Anggota yang mengharapkan KOSMA dikendalikan oleh mereka yang tidak berdendam atau berkepentingan. Sepatutnya usia KOSMA menjangkau 50 tahun perkara-perkara demikian tidak lagi timbul.

Saya menyarankan, sudah sampai masanya KOSMA ini harus menampilkan calon-calon Anggota Lembaga yang lebih berkalibar, berwibawa, berwawasan, ada semangat bemesyuarah, bertenaga, berpendidikan yang sesuai dalam zaman IT dan globalisasi. Dengan ini kita akan mengketengahkan KOSMA sebagai sebuah Koperasi berskala besar dan separa korporat dalam dunia ekonomi negara yang lebih mencabar.

Apa salahnya kita menonjolkan nama-nama berkaliber yang boleh digandingkan untuk memimpin KOSMA.

1. Dato' Sri Sharif Shamsuddin
2. Dato' Abdul Manan bin Abdul Rahman
3. Dato' Azlan bin Uzir
4. Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abdul Rahman
5. Encik Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh



6. Tuan Haji Hamdy Basek
7. Dato' Sri Dr. Omar bin Othman

Masih ramai lagi nama yang tidak dapat disebutkan satu persatu... Tidaklah tiap-tiap tahun pemilihan ALK ditonjolkan kepada Anggota, calon-calon yang telah mengalami ketewasan beberapa kali dengan cara berkempen yang boleh dikatakan kurang sihat.

#### **Saudara-saudari sekalian,**

Saya mengambil kesempatan disini mengucapkan tahniah kepada Pengarah SKM Pahang Encik Zawawi bin Mahmud yang telah dikurniakan Darjah Kebesaran Pahang yang membawa gelaran Dato'. Beliau banyak memberi panduan dan nasihat kepada KOSMA selama ini.

Tahniah kepada Yang Mulia Doktor Noor Zari bin Hamat yang telah dilantik menjadi Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang baru.

Tahniah dan selamat bersara kepada YH. Dato' Azlan Uzir yang telah menamatkan kontraknya sebagai Pengurus Besar pada 31 Disember 2015. Beliau telah sama-sama meletakkan kecemerlangan KOSMA selama perkhidmatannya. Mulai Januari tahun ini, tugas Pengurus Besar telah diberi tanggungjawab kepada Encik Shamsul Anuar Hussin. Diharapkan beliau dapat menerus dan menunjukkan prestasi yang baik bagi KOSMA. Pegawai-pegawai dan kakitangan KOSMA semestinya memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada Encik Shamsul Anuar.

**Pada tahun hadapan (2017),** berkemungkinan Mesyuarat Agung sebegini, diadakan selepas Hari Raya, disebabkan bulan Ramadhan jatuh pada bulan Mei. Mungkin persediaan Mesyuarat Agung tidak dapat diselesaikan begitu cepat. Walaubagaimanapun jika demikian keadaannya, maka KOSMA akan berusaha supaya bayaran dividen lebih awal sebagai pendahuluan yang mencukupi untuk sambutan Ramadhan dan hari raya Aidilfitri.

#### **Saudara-saudari Sekalian,**

Pada tahun ini saya tidak menyusun sebarang pantun, tetapi saya mengambil petikan kata-kata seorang pendakwah terkenal tanah air.

**Seseorang itu terkejut apabila melihat amalan kebaikan yang tidak pernah dilakukannya didunia. Maka dia bertanya "Wahai Tuhan, dari manakah datangnya kebaikan yang sebanyak ini, sedangkan aku tidak pernah melakukannya." Maka Allah menjawab "Semua itu adalah kebaikan (PAHALA) orang yang mengumpat engkau tanpa engkau ketahui."**

Akhir kalam, saya menyusun jari 10, mohon ampun maaf kepada semua Anggota dalam apa jua keadaan, tutur kata, salah laku, makan minum, duit ringgit sesen dua selama ini. Mudah-mudahan amalan saya dalam bulan Ramadhan ini lebih lengkap dan sempurna. Insya Allah jika diizinkan Tuhan, saya akan menunaikan Ibadah Umrah dalam pertengahan bulan Ramadhan. Begitu juga sebaliknya, saya mengampunkan segala kesalahan Anggota terhadap saya selama ini. Marilah kita tingkatkan amalan kita dengan penuh keberkatan yang direhdhai Allah S.W.T. Tambahlah ganjaran pahala yang berlipat ganda dengan menentukan amalan kita lebih baik dari tahun-tahun yang lepas. Terima kasih pada semua maka yang terlibat dalam mengendali dan menjayakan Mesyuarat Agung KOSMA pada tahun ini.

**Amin.**

**Selamat berpuasa dan selamat berhari Raya, Maaf Zahir Batin.**

**Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**



# **AGENDA : 3**

## **KERTAS BIL : MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA DAN KMA.03/2016 JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2016/2017**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) bagi tahun 2016/2017 untuk makluman anggota-anggota sekalian.

### **2.0 KEANGGOTAAN**

Sehingga 31 Disember 2016 jumlah anggota KOSMA adalah seramai 1,684 orang dan jumlah kedudukan Modal Syer dan Unit Ladang anggota KOSMA adalah seperti dalam buku Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

### **3.0 MESYUARAT LEMBAGA (SEHINGGA MAC 2017)**

- 3.1 Anggota Lembaga telah mengadakan 13 Mesyuarat iaitu 11 Mesyuarat Lembaga dan 2 Mesyuarat Lembaga Khas seperti Jadual di bawah :-

<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>
04.06.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 1-2016/2017
28.06.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 2-2016/2017
22.07.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 3-2016/2017
29.08.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 4-2016/2017
30.09.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 5-2016/2017
13.10.2016	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 1-2016/2017
25.10.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 6-2016/2017
29.11.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 7-2016/2017
19.12.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 8-2016/2017
10.01.2017	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 2-2016/2017
26.01.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 9-2016/2017
27.02.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 10-2016/2017
27.03.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 11-2016/2017

- 3.2 Sehingga April 2017, senarai kehadiran Anggota-anggota Lembaga KOSMA bagi mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut :

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kehadiran</b>
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	13/13
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi	9/13
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	13/13
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari	13/13
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Wakil Kerajaan	7/13
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz	Wakil Kerajaan	7/13
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	Anggota Lembaga	13/13



YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok (Sehingga 17 Disember 2016)	Anggota Lembaga	9/11
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Anggota Lembaga	13/13
YH Dato' Hajjah Nazilah Bt Abd Latif	Anggota Lembaga	13/13
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Anggota Lembaga	11/13
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad (Bermula 1 Februari 2017)	Anggota Lembaga	1/2

- 3.3 Mesyuarat Lembaga Bil 01-2016/2017 yang diadakan pada 4 Jun 2016 telah memilih dan melantik Anggota Lembaga Berjawatan seperti berikut:-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari

- 3.4 Senarai Anggota Lembaga Penuh beserta Jawatan adalah seperti berikut :

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	<ul style="list-style-type: none"><li>Pengerusi J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li><li>Pengerusi J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li><li>Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA</li><li>Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd</li></ul>
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	<ul style="list-style-type: none"><li>Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd</li><li>Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li><li>Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li><li>Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA</li><li>Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd</li></ul>
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	<ul style="list-style-type: none"><li>Setiausaha J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li><li>Setiausaha J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li><li>Setiausaha J/K Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan</li><li>Setiausaha J/K Perundangan</li><li>Setiausaha J/K Pengurusan Ar-Rahnu</li><li>Setiausaha Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA</li></ul>
YH Dato' Haji Mokhtar bin Hj. Mat Salleh	<ul style="list-style-type: none"><li>Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan</li><li>Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li></ul>



	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli J/K Pengurusan Ar-Rahnu</li><li>• Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd</li><li>• Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA</li></ul>
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengerusi J/K Pengurusan Risiko</li></ul>
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengerusi J/K Pengurusan Ar-Rahnu KOSMA</li></ul>
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli J/K Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan</li><li>• Ahli J/K Perundangan</li></ul>
Allahyarham Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok (Sehingga 17 Disember 2016)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd</li><li>• Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li><li>• Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA</li></ul>
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengerusi J/K Kebajikan Anggota, Seranta Dan Penerbitan</li><li>• Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset</li><li>• Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd</li></ul>
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli J/K Pengurusan Risiko</li><li>• Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd</li></ul>
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengerusi J/K Perundangan</li><li>• Ahli J/K Pengurusan Ar-Rahnu</li><li>• Ahli J/K Pengurusan Risiko</li></ul>
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad (Bermula 1 Februari 2017)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd</li></ul>

3.5 Laporan Aktiviti Lembaga yang telah dijalankan.

<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti</b>
20.07.2016	Perjumpaan di antara Syarikat Ho Hup Construction Co Bhd dan KOSMA
25.07.2016	Perjumpaan antara KOSMA dan Wujud Wawasan Sdn Bhd
28-31.07.2016	Hari Koperasi Negara 2016 Peringkat Negeri Pahang di Taman Tasik Raub, Pahang
10.08.2016	Lawatan oleh Rombongan Angkasa Negeri Sembilan
23.08.2016	Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan 2016 di Istana Abdul Aziz Bukit Istana, Kuantan
29.08.2016	Perjumpaan di antara Syarikat Ho Hup Construction Co Bhd dan KOSMA



19.09.2016	Majlis Taklimat bersama Koperasi Perkhidmatan Pendidikan Melayu Pahang Timur Berhad di KOSMA Business Hotel
05-06.10.2016	Program Pengukuhan Integriti Anggota Koperasi di Grand Riverview Hotel, Kota Bharu, Kelantan
06.10.2016	Perasmian Pejabat Maktab Kerjasama Malaysia, Cawangan Kuantan
08.10.2016	Lawatan Penanda Aras daripada Delegasi Koperasi Negeri Johor
30.11-02.12.2016	Perlادangan dan Asastani – Maktab Kerjasama Malaysia dan KOSMA
14.12.2016	Majlis Ramah Mesra bersama YAB Menteri Besar Pahang di MS Garden Kuantan
24.01.2017	Majlis Konsultansi bersama Koperasi, Semakan Akta Koperasi 1993 di Bank Negara, Kuala Lumpur
16-18.02.2017	KOSMA Brainstorming 2017
09.03.2017	Sesi Temuduga dan Penggambaran untuk Koperasi yang telah menerima anugerah di Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Pahang 2016.

## 4.0 LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA (SEHINGGA APRIL 2017)

### 4.1 Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan

- 4.1.1 Bagi sesi 2016/2017, Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 13 kali termasuk 4 kali mesyuarat khas seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
17.06.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 1-2016/2017
20.07.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 2-2016/2017
23.08.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 3-2016/2017
20.09.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 4-2016/2017
10.10.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 1-2016/2017
23.11.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 5-2016/2017
15.12.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 6-2016/2017
13.01.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 7-2016/2017
23.01.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 2-2016/2017
08.02.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 3-2016/2017
15.02.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 8-2016/2017
16.03.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 9-2016/2017
23.03.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 4-2016/2017

- 4.1.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	11/13
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi	8/13
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	13/13
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari	13/13



## 4.2 Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset

4.2.1 Bagi sesi 2016/2017, Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset telah mengadakan mesyuarat sebanyak 1 kali seperti jadual berikut:-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
06.12.2016	Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 1-2016/2017

4.2.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	0/1
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Jawatankuasa	0/1
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Jawatankuasa	1/1
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Jawatankuasa	1/1
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Jawatankuasa	1/1
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Jawatankuasa	1/1

4.2.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Rundingan dengan syarikat-syarikat pembekal baja mengenai keperluan baja Kumpulan Perladangan KOSMA bagi Separuh Pertama Tahun 2017.

## 4.3 Jawatankuasa Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan

4.3.1 Bagi sesi 2016/2017, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 1 kali iaitu seperti berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
20.02.2017	Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 1-2016/2017

4.3.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti di bawah :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Haji Khadri bin Musa	Pengerusi	1/1
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	1/1
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Hj. Sulaiman	Jawatankuasa	1/1
YH Dato' Haji Abdullah bin Majid	Jawatankuasa	1/1
YH Dato' Haji Abdul Aziz bin Haji Abdullah	Jawatankuasa	1/1
Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin	Jawatankuasa	1/1
Encik Anuar bin Mohd Lazim	Jawatankuasa	1/1
Tuan Haji Bahaudil @ Bahaudin bin Hussin	Jawatankuasa	1/1
Tuan Haji Eddy Sabri bin Mohd	Jawatankuasa	1/1
Mr Ganesan a/l Sockalingram	Jawatankuasa	1/1



Tuan Haji Alias bin Mohamad Nor Encik Mohd Khairi bin Dahlan Puan Rosdalina bt Haji Mohd Dahlan Puan Ong So Eng	Jawatankuasa Jawatankuasa Jawatankuasa Jawatankuasa	1/1 1/1 1/1 0/1
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------	--------------------------

- 4.3.3 Aktiviti yang dijalankan.
- Merencanakan perlaksanaan Program Jubli Emas KOSMA – Jawatankuasa Kebajikan dan Sosial
  - Menerbitkan Buletin KOSMA iaitu Terbitan ke 24 - Februari 2017.

#### 4.4 Jawatankuasa Perundangan

- 4.4.1 Bagi sesi 2016/2017, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali iaitu seperti berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
15.11.2016	Mesyuarat JK Perundangan Bil 1-2016/2017
13.04.2017	Mesyuarat JK Perundangan Bil 2-2016/2017

- 4.4.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Kehadiran
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Pengerusi	2/2
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Hj. Sulaiman	Jawatankuasa	1/2
Encik Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh	Jawatankuasa	2/2
Tuan Haji Mohamed Azahar bin Sulong	Jawatankuasa	1/2
Tuan Haji Shaari bin Harith	Jawatankuasa	2/2

- 4.4.3 Aktiviti yang dijalankan.
- Jawatankuasa ini telah menubuhkan satu jawatankuasa kerja khusus bagi meneliti keseluruhan UUK KOSMA dan Aturan untuk dipinda dan dibuat penambahbaikan. Jawatankuasa Kerja terdiri daripada :
    - Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad - Ketua
    - Tuan Haji Mohamed Azahar bin Sulong
    - Encik Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh
    - Encik Ismail bin Abd Rahman
    - Encik Abdul Ghafar bin Hussin – Setiausaha
  - Jawatankuasa Kerja ini telah bermesyuarat sebanyak 5 kali iaitu pada 28.11.2016, 4-5.12.2016, 29.12.2016, 9.03.2017 dan 28.03.2017.

#### 4.5 Jawatankuasa Pengurusan Ar Rahnu

- 4.5.1 Bagi sesi 2016/2017, Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali iaitu seperti jadual berikut :-



<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>
28.09.2016	Mesyuarat JK Ar – Rahnu Bil 1-2016/2017
14.03.2017	Mesyuarat JK Ar – Rahnu Bil 2-2016/2017

4.5.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kehadiran</b>
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	Pengerusi	2/2
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	2/2
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Jawatankuasa	2/2
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Jawatankuasa	2/2
YH Dato' Mohd Baharin bin Harun	Jawatankuasa	0/2
Tuan Haji Dr Sharafuddin Aisa bin Haji Othman	Jawatankuasa	1/2
Tuan Haji Ibaruslan bin Sulaiman	Jawatankuasa	2/2
Puan Puteri Ruziyana binti S'aban	Jawatankuasa	2/2

4.5.3 Aktiviti dan Perancangan Jawatankuasa

- Membuat pemantauan urusan pengurusan perniagaan Ar Rahnu KOSMA dan menjalankan Pemeriksaan operasi di premis Ar Rahnu.
- Membuat promosi dan pemasaran strategik untuk Ar Rahnu KOSMA.

#### **4.6 Jawatankuasa Pengurusan Risiko**

4.6.1 Bagi sesi 2016/2017, Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah mengadakan mesyuarat sebanyak 1 kali iaitu seperti jadual berikut :-

<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>
25.11.2016	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bil 01-2016/2017

4.6.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kehadiran</b>
YH Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Pengerusi	1/1
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	1/1
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	Jawatankuasa	1/1
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Jawatankuasa	1/1
YH Dato' Haji Azlan bin Uzir	Jawatankuasa	1/1
Tuan Haji Rahim bin Awang	Jawatankuasa	1/1

4.6.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Perbincangan mengenai Tatacara Perlaksanaan Pengurusan Risiko Berkesan.



#### **4.7 Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA**

4.7.1 Bagi sesi 2016/2017, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali seperti jadual berikut :-

<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>
16.02.2016	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 01-2016/2017
22.04.2016	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 02-2016/2017
24.08.2016	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 03-2016/2017
19.01.2017	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 04-2016/2017

4.7.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kehadiran</b>
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	4/4
YH Dato' Haji Abdul Rahman bin Imam Arshad	Timbalan Pengerusi	4/4
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Lembaga	1/4
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Wan Abdullah bin Wan Salleh	Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Lembaga	3/4
YH Dato' Ahmad Fuad bin Dato' Haji Ibrahim	Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Abdul Rahim bin Mohamad	Lembaga	4/4
YH Dato' Sri Noorhuda bt Alias	Lembaga	2/4
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	4/4

4.7.3 Aktiviti yang dijalankan.

<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti</b>
17.02.2016	Kem 1 (Kecemerlangan diri dan pemilihan peserta baharu AMG di Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota, Kuantan)
28-30.05.2016	Kem 2 ( Kerohanian dan Keterampilan Diri dijalankan di Biro Tatanegara Maran)
18.08.2016	Uniten 2016 Outstanding Graduating Student Industry Awards
1-3.10.2016	Program Motivasi NLP Pecutan Akhir SPM 2016, anjuran Yayasan KOSMA dijalankan di Hotel KOSMA Business
14-16.10.2016	Kem 3 (Motivasi & Kemahiran Belajar dijalankan di UMP)
24-27.12.2016	Kem 4 (Wajadiri dan pengurusan Masa dijalankan di Kem Wataniah Sg Miang)
24-27.01.2017	Program Akademi Menara Gading "Mobility and Academic Discourse" di Bangkok, Thailand
14-17.02.2017	Program Akademi Menara Gading "Mobility and Academic Discourse" di Universiti Pendidikan Bandung



22-25.03.2017

Kem Motivasi NLP (Neuro Linguistic Programming) Yayasan KOSMA untuk pelajar sekolah menengah tingkatan 3 dan 5 2017.

01-05.04.2017

Program Akademi Menara Gading "Mobility and Academic Discourse" di Universiti Takushoku, Jepun/High-school, Jepun.

## 5.0 LAPORAN KOSMA TOURISM SDN BHD

- 5.1 KOSMA Tourism Sdn Bhd ditadbir urus oleh 4 orang ahli Lembaga Pengarah dan seorang Pengurus serta 5 orang kakitangan. Berikut ialah senarai Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangannya :

### 5.1.1 Ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan
Y.H. Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok (Meninggal dunia pada 17 Disember 2016)	Pengerusi
Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif	Pengarah
Puan Norazian binti Abdullah	Pengarah
Encik David Allymothu a/l Kaylesam	Pengarah

### 5.1.2 Pengurusan Dan Kakitangan

Nama	Jawatan
Encik Shamsul Anuar bin Hussin	Pengurus
Cik Norazizi bt Ismail	Junior Executive
En. Mohd Khairulazli bin Dewaji	Pem.Tadbir Kewangan
En. Noor Firdaus bin Ismail	Penyambut Tetamu
Puan Rosnah bt Asari	House Keeping
Encik Abdul Aziz bin Dollah	Pengawal Keselamatan

### 5.2 Perhotelan

- 5.2.1 KOSMA Tourism Sdn Bhd menjalankan perniagaan perhotelan yang berkonseptan bajet hotel. Syarikat ini mempunyai 18 buah bilik yang terdiri dari 3 kategori seperti berikut :

Jenis Bilik	Bil. Bilik	Kelengkapan
Bilik Orkid	6 bilik	2 katil besar
Bilik Anggerik	2 bilik	1 katil besar & 1 katil kecil
Bilik Melati	10 bilik	1 katil besar

- 5.2.2 Kelas Hotel/Rating  
Hotel KOSMA bertaraf **Tiga (3) Orkid.**



5.2.3 Kemudahan di dalam Bilik Hotel

Setiap bilik Hotel KOSMA mempunyai kemudahan-kemudahan seperti berikut :

- i. Bilik berhawa dingin
- ii. Hot and cold shower
- iii. Astro - 3 saluran
- iv. Wi fi
- v. 2 helai sejadah setiap bilik
- vi. Air minuman/mineral setiap bilik

5.2.4 Dari segi pendapatan KOSMA Tourism Sdn Bhd boleh dirujuk di Penyata Kewangan KOSMA Tourism Sdn Bhd.

5.2.5 "Occupancy rate" bagi jualan bilik Hotel KOSMA bagi tahun 2016 adalah 70.6%.

5.2.6 KOSMA Tourism Sdn Bhd menyediakan 3 premis perniagaan untuk disewa seperti berikut :

	<b>Penyewa</b>	<b>Jumlah Sewa</b>
Lot 1	War Eagle Enterprise	RM 800.00 Sebulan
Lot 2	War Eagle Enterprise	RM 750.00 Sebulan
Lot 3	Noor Haslina Bt Ahmad	RM 700.00 Sebulan

## 6.0 LAPORAN KOSMA HOLDINGS SDN BHD

6.1 KOSMA Holdings Sdn Bhd ditubuhkan pada 3 Mac 2014 dan ditadbir urus oleh 5 orang ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah tersebut adalah seperti berikut :

6.1.1 Ahli Lembaga Pengarah

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Pengerusi
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Pengarah
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Pengarah
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Pengarah
YH Dato' Azlan bin Uzir	Pengarah

6.1.2 Carta Organisasi Pengurusan KOSMA Holdings Sdn Bhd adalah seperti berikut :-





### 6.1.3 Pengurusan dan Kakitangan

#### a) **Kakitangan KOSMA Business Hotel**

Nama	Jawatan
Muhammad Aliff bin Osman	Pegawai Operasi (mulai 1 Februari 2017)
Nurfarhana binti Mohd Zaimi	Penyelia Penyambut Tetamu
Zaiton Hakimisakuma	Pembantu Tadbir Kewangan
Anis Afifah Samsul Izam	Penyambut Tetamu
Nurul A'in Mohd Sharir	Penyambut Tetamu
Aziza Athirah Abd Majed	Penyambut Tetamu
Mohd Ismail Ayob	Pengawal Keselamatan
Mek Yam Salam	Pengemas Bilik

#### b) **Kakitangan KOSMA Boutique Hotel**

Nama	Jawatan
Nurul Wahida Jilani	Pembantu Tadbir Kewangan
Nooryana Mohd Nasarudin	Penyambut Tetamu
Mohd Syuib Samran	Pengemas Bilik

#### c) **Kakitangan Kedai Serbaneka**

Nama	Jawatan
Che Wan Mansor bin Che Wan Chik	Pembantu Kedai
Malika Mariam bt Akzir Imi	Pembantu Am Kedai
Khairul Amzar bin Khairumai	Pembantu Am Kedai

### 6.2 Aktiviti

KOSMA Holdings Sdn Bhd menjalankan perniagaan perhotelan yang berkonsepkan moden dan eksklusif iaitu KOSMA Business hotel dan KOSMA Boutique Hotel dan Kedai Serbaneka (COOP Mart D'KOSMA).

#### 6.2.1 **KOSMA Business Hotel**

Mulai beroperasi pada 1 Februari 2015, KOSMA Business Hotel mempunyai 60 bilik secara keseluruhannya dan berikut merupakan jenis-jenis bilik yang terdapat di KOSMA Business Hotel.

Jenis Bilik	Kelengkapan
Premier Deluxe	1 katil besar sahaja
Famili (premier Deluxe + Standard B)	1 katil besar dan 2 katil bujang
Standard A	1 katil besar atau 2 katil bujang
Standard B	1 katil besar atau 2 katil bujang



- i. KOSMA Business Hotel mempunyai kemudahan seperti berikut :
  - a) Perkhidmatan kaunter 24 jam
  - b) Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup
  - c) Kemudahan Wi-Fi Percuma
  - d) Bilik Di Lengkapi dengan Penghawa Dingin
  - e) Bilik Dilengkapi dengan Televisyen Led siaran HYPP TV
  - f) Telefon
  - g) Pemanas Air
  - h) Peti sejuk di dalam bilik (Premier Deluxe sahaja)
  - i) Kafeteria
  - j) Bilik persidangan – Maksimum 10
  - k) Bilik seminar – Maksimum 20-30
- ii. Dari segi pendapatan KOSMA Business Hotel boleh dirujuk di Laporan dan Penyata Kewangan KOSMA Holdings Sdn Bhd bagi tempoh berakhir 31 Disember 2016.
- iii. "Occupancy rate" bagi jualan bilik KOSMA Business Hotel bagi tahun 2016 adalah 45.23%.

#### 6.2.2 **KOSMA Boutique Hotel**

KOSMA Boutique Hotel merupakan hotel ke-2 selepas pembukaan KOSMA Bajet Hotel. Mula dibuka pada 1 Ogos 2012. Mempunyai 20 bilik keseluruhannya dan berikut merupakan jenis-jenis bilik yang terdapat di dalam KOSMA Boutique Hotel.

Jenis Bilik	Kelengkapan
Bilik Standard	1 katil besar sahaja
Bilik Superior	1 katil besar sahaja
Bilik Deluxe	1 katil besar sahaja

- i. KOSMA Boutique Hotel mempunyai kemudahan seperti berikut:
  - a) Perkhidmatan kaunter 24 jam
  - b) Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup
  - c) Kemudahan Wi-Fi Percuma
  - d) Bilik dilengkapi dengan Penghawa Dingin
  - e) Bilik dilengkapi dengan Televisyen Led siaran Astro TV
  - f) Telefon
  - g) Pemanas Air
  - h) Seminar room (50-70 pax)
  - i) Kawalan keselamatan
- ii. Dari segi kewangan KOSMA Boutique Hotel boleh dirujuk di Laporan dan Penyata Kewangan KOSMA Holdings Sdn Bhd.
- iii. "Occupancy rate" bagi jualan bilik KOSMA Boutique Hotel bagi tahun 2016 adalah 45.36%.

#### 6.2.3 **Kedai Serbaneka COOP Mart D'KOSMA**

Kedai Serbaneka COOP Mart D'KOSMA merupakan salah satu cabang perniagaan yang baru bagi KOSMA Holdings Sdn Bhd. Baru sahaja dibuka pada 1 Ogos 2016 dan beroperasi dari pukul 8.00 pagi sehingga 10 malam. Kedai Serbaneka COOP Mart D'KOSMA mempunyai 3 orang



pekerja, 2 orang Pembantu Am Kedai manakala seorang Pembantu Kedai. Lokasinya terletak bersebelahan dengan Ar-Rahnu KOSMA serta berdekatan dengan KOSMA Business Hotel memberi kemudahan kepada para penginap serta orang ramai untuk membeli makanan ringan dan juga minuman.



## 7.0 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

### 7.1 Pendahuluan

Laporan ini disediakan bagi memenuhi kehendak subperenggan 32 (1) (b) Undang-undang Kecil KOSMA untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 35.

### 7.2 Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seperti berikut :-

- |                                               |              |
|-----------------------------------------------|--------------|
| i) YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman | • Ketua      |
| ii) Tuan Haji Ibrahim bin Ali                 | • Setiausaha |
| iii) Encik Muslim bin Umar                    | • Ahli       |
| iv) Encik Ahmad Zambri bin Abd Aziz           | • Ahli       |
| v) Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman            | • Ahli       |

### 7.3 Objektif Pengauditan

Memastikan pengurusan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad diurus dengan cekap, telus dan teratur.

### 7.4 Kuasa dan Fungsi

Mengikut Perkara 56 Undang-undang Kecil KOSMA.

### 7.5 Mesyuarat Jawatankuasa

Jawatankuasa Audit Dalaman telah mengadakan 6 kali mesyuarat dan senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman	Ketua	6/6
Tuan Haji Ibrahim bin Ali	Setiausaha	6/6
Encik Muslim bin Umar	Anggota	6/6
Encik Ahmad Zambri bin Abd Aziz	Anggota	6/6
Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman	Anggota	6/6

7.6 Aktiviti JAD bagi sessi 2016/2017 ini adalah seperti berikut :-

<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti</b>
14.07.2016	Mesyuarat JAD Bil 1/2016-2017
21.07.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
22.07.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
10.08.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
18.08.2016	Penyediaan Draf Laporan Audit
22.08.2016	Perbincangan dan Penyediaan Laporan Audit
21.09.2016	Tugasan Audit di Ar Rahnu
26.09.2016	Tugasan Audit di Boutique Hotel
27.09.2016	Tugasan Audit di Hotel KOSMA Tourism
07.10.2016	Tugasan Audit di Ar-Rahnu
11.10.2016	Mesyuarat JAD Bil 2-2016/2017
18.10.2016	Tugasan Audit di Ar Rahnu
19.10.2016	Tugasan Audit di Ibu pejabat
20.10.2016	Tugasan Audit di Ibu pejabat
25.10.2016	Perbincangan dan penyediaan Laporan Audit
26.10.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
27.10.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
28.10.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
02.11.2016	Perbincangan Laporan Audit bersama Setiausaha KOSMA
03.11.2016	Tugasan Audit di Business Hotel dan Kedai Serbanika
08.11.2016	Perbincangan Laporan Audit
09.11.2016	Perbincangan Laporan Audit
10.11.2016	Penyediaan Draf Laporan Audit
14.11.2016	Penyediaan Draf Laporan Audit
15.11.2016	Semakan Draf Laporan Audit
22.11.2016	Semakan Akhir Laporan Audit
28.11.2016	Penyediaan dan Penghantaran Laporan Audit
29.11.2016	Mesyuarat bersama Anggota Lembaga KOSMA di Ladang KOSMA
30.11.2016	Lawatan Mengejut (Malam) ke Hotel-Hotel KOSMA
06.12.2016	Turut Hadir Mesyuarat Jawatankuasa Tender Baja
13.12.2016	Mesyuarat JAD Bil 3-2016/2017
21.12.2016	Tugasan Audit di Hotel KTSB dan Hotel Boutique
22.12.2016	Tugasan Audit di Hotel Business, Ar-Rahnu, Yayasan KOSMA dan Kedai Serbanika
23.12.2016	Tugasan Audit di Ibu Pejabat
28.12.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
29.12.2016	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
30.12.2016	Tugasan Audit di Ar Rahnu
03.01.2017	Perbincangan Laporan Audit
09.01.2017	Penyediaan Draf Laporan Audit
10.01.2017	Penyediaan Laporan Suku Tahun Ke 4/2016
12.01.2017	Mesyuarat JAD Bil 4-2016/2017
17.01.2017	Mengemaskini Laporan Audit Suku Tahun Ke 4-2016



03.02.2017	"Exit Meeting" bersama Pengurus Besar dan Pengurus-pengurus Ladang
07.02.2017	Rumusan Laporan Suku Tahun Ke 4/2016
01.03.2017	Mesyuarat JAD Bil 5-2016/2017 (Perbincangan Laporan Tahunan)
07.03.2017	Tugasan audit pengurusan di Ibu pejabat
01.03.2017	Mesyuarat JAD Bil 6-2016/2017 (Perancangan Tugasan Audit 2017)
07.03.2017	Tugasan audit pengurusan di Ibu Pejabat.
08.03.2017	- sda -
16.03.2017	Tugasan audit pengurusan di Ladang KOSMA.
17.03.2017	- sda -
23.03.2017	Mesyuarat JAD Bil 6-2016/2017 (Perancangan Tugasan Audit 2017)
10.04.2017	Tugasan Audit di Hotel KTSB dan Hotel Boutique
11.04.2017	Tugasan Audit di Hotel Business dan Yayasan KOSMA
12.04.2017	Tugasan Audit di Ar Rahnu dan Kedai Serbanika
17.04.2017	Tugasan Audit di Ibu pejabat KOSMA
18.04.2017	Tugasan Audit di Ibu pejabat KOSMA
24.04.2017	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
25.04.2017	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
26.04.2017	Tugasan Audit di Ladang KOSMA
02.05.2017	Perbincangan Laporan Audit Suku Tahun 1/2017
03.05.2017	Penyediaan dan Perbincangan Laporan Audit

## 7.7 Penemuan Audit Dalam

### 7.7.1 Keanggotaan Tanpa Penama

Masih terdapat seramai 100 anggota yang masih belum mengemukakan penama/wasi sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perkara 18 UUK.

### 7.7.2 Gagal Mengemukakan Nombor Akaun Bank

Masih terdapat seramai 175 anggota yang belum mengemukakan Nombor Akaun Bank.

### Ulasan Pengurusan

Peringatan telah dibuat beberapa kali dalam setahun termasuklah melalui surat, laman sesawang, Buletin KOSMA dan di Mesyuarat Agung Tahunan.

## 7.8 Kesimpulan dan Pandangan

Pada keseluruhannya KOSMA telah diurustadbir dengan baik. Keuntungan dari hasil ladang seluas 38,000 ekar telah memberi pulangan yang baik kepada anggota dan KOSMA.

## 7.9 Penghargaan dan Terima kasih

JAD merakamkan ucapan terima kasih kepada Anggota Lembaga, pihak Pengurusan dan juga Pengurus-pengurus Ladang atas kerjasama yang telah diberikan semasa pengauditan dijalankan.




## 8.0 PERKEMBANGAN PADA TAHUN 2016

### 8.1 Maklumat Terkini Ladang-Ladang KOSMA

8.1.1 Keluasan kawasan yang matang bagi Ladang KOSMA yang terkini adalah:

Blok	Nama Ladang	Keluasan Kawasan Yang Matang 2015 ( Hektar )	Keluasan Kawasan Yang Matang 2016 ( Hektar )
1	Ladang Gajah Jinak	2,002.4	2,420.80
2	Ladang Sungai Kepasing	1,237.7	1,600.60
4	Ladang Bukit Serlai	710.9	663.90
6	Ladang KOSMA 6	1,614.0	1,613.00
7	Ladang KOSMA 7	1,196.80	1,187.80
8	Ladang KOSMA 8	2,448.80	2,201.20
9	Ladang KOSMA 9	2,170.30	2,170.30
<b>Jumlah</b>		<b>11,380.90</b>	<b>11,857.60</b>

8.1.2 Profil Umur Pokok Ladang KOSMA



Ladang	Profil Umur Pokok Kelapa Sawit	Keluasan Tanah (Ha)	Peratusan (%)
LGJ, LBS, LK6, LK7,LK8 & LK9	> 19 tahun	7,775.20	51.90
LGJ, LSK & LBS	8 tahun - 8 tahun	2,450.50	16.90
LGJ, LSK, LBS & LK6	4 tahun - 7 tahun	2,916.30	19.90
LBS, LK6, LK7 & LK8	< 3 tahun	2,096.60	14.90
<b>Jumlah</b>		<b>15,238.60</b>	<b>100.0</b>

8.1.3 Maklumat penanaman semula ladang KOSMA bagi tahun 2016 :

Ladang	Luas (Ha)	Blok
Ladang Bukit Serlai	270.60	Blok E
Ladang KOSMA 8	250.00	Blok F
<b>Jumlah</b>	<b>520.60</b>	




8.1.4 Kadar Perahan Minyak :

2016	2015	2014
19.8	20.0	19.57

8.1.5 Pengeluaran Hasil Terkini Ladang-Ladang KOSMA.

**HASIL BTB 2014 & 2015**



LADANG	HASIL 2015	PURATA HASIL/HEKTAR 2015	HASIL 2016	PURATA HASIL/HEKTAR 2016
LGJ	47,626.12	23.78	39,995.27	16.52
LSK	31,160.97	25.18	33,950.72	21.32
LBS	17,847.68	25.10	14,757.61	22.23
LK6	33,412.95	20.70	27,662.80	17.15
LK7	30,515.00	25.50	24,797.94	20.88
LK8	48,993.09	20.01	35,418.21	16.10
LK9	44,036.00	20.29	34,769.56	16.02
<b>JUMLAH</b>	<b>253,591.81</b>	<b>22.28</b>	<b>211,352.11</b>	<b>17.84</b>

**Jumlah Keseluruhan Pengeluaran BTB Tahun 2016 : 211,352.11/m.t  
( 17.84 m.t/ha)**

Kumpulan Perladangan KOSMA mencatatkan pengeluaran BTB berjumlah 211,352.11 mt. dalam tahun 2016 (Tahun 2015 : 211,352.11 mt). Purata pengeluaran hasil adalah 17.84 mt/ha (2015 : 22.28 mt/ha).



### **Perbandingan Purata Hasil KOSMA, Pahang dan Semenanjung Malaysia bagi Tahun 2013 sehingga Tahun 2016**

<b>Tahun</b>	<b>KOSMA</b>	<b>Pahang</b>	<b>Semenanjung Malaysia</b>
2013	21.51 mt/ha	20.21 mt/ha	19.26 mt/ha
2014	19.47 mt/ha	18.41 mt/ha	18.23 mt/ha
2015	22.28 mt/ha	18.55 mt/ha	18.80 mt/ha
2016	17.84 mt/ha	15.23 mt/ha	15.77 mt/ha

## **8.2 Wujud Wawasan Sdn Bhd**

### **8.2.1 Prestasi Kewangan**

Wujud Wawasan Sdn Bhd (WWWSB) (Ekuiti dimiliki oleh KOSMA sebanyak 49%) adalah merupakan sebuah syarikat bersekutu yang menguruskan Kilang Sawit KOSMA. Sehingga 31 Disember 2016, kedudukan kewangan WWWSB berbanding tahun 2015 adalah seperti berikut :

	<b>2016 (RM)</b>	<b>2015 (RM)</b>
Aset Bukan Semasa ( Non-current assets )	5,322,142	5,751,110
Aset Semasa ( Current Assets )	29,871,215	28,072,850
Liabiliti Semasa ( Current Liabilities )	17,349,480	15,595,662
Aset Semasa Bersih (Net current assets)	12,521,735	12,477,188
Liabiliti Bukan Semasa (Non current liabilities)	17,104,739	17,489,160

Daripada segi keuntungan pula berbanding tahun 2015 adalah seperti dinyatakan di bawah:

	<b>2016 (RM)</b>	<b>2015 (RM)</b>
Keuntungan Sebelum Cukai ( Profit Before Tax )	4,365,099	5,129,294
Cukai (Tax)	(999,520)	(1,192,136)
Keuntungan Selepas Cukai ( Profit After Tax )	3,365,579	3,937,158
Dividen sesaham (sen)	250	250



### 8.2.2 Rekod bayaran dividen diterima

Tahun	Dividen Diterima (RM)	Kadar Dividen Sesaham (sen)
2016	1,837,500	250
2015	1,837,500	250
2014	1,837,500	250
2013	2,205,000	300
2012	1,470,000	200

## 9.0 HARAPAN

Barisan kepimpinan KOSMA akan terus berusaha untuk membawa KOSMA ke arah yang lebih maju di samping menceburi bidang-bidang baru sebagai tambahan kepada aktiviti utama KOSMA. Memberikan pulangan dan manfaat yang terbaik kepada anggota-anggota sentiasa menjadi objektif utama kepimpinan KOSMA. Harapan Anggota Lembaga KOSMA agar usaha Anggota Lembaga ini sentiasa mendapat sokongan padu danjitu daripada anggota-anggota sekalian.

## 10.0 PENGHARGAAN

Anggota-Anggota Lembaga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jawatankuasa Audit Dalaman, anggota-anggota, pegawai dan kakitangan serta semua pihak yang terlibat dalam perjuangan dan usaha mempertingkatkan prestasi KOSMA.

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT  
KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, TERMASUK  
PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN  
LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2016**

**AGENDA : 4  
KERTAS BIL :  
KMA.04/2016**

## **1.0 TUJUAN**

Kertas ini adalah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Agung mengenai Laporan dan Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 bagi Koperasi, Unit Ladang serta subsidiarinya jika ada, termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan laporan juruaudit.

## **2.0 LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan dan Penyata Kewangan Koperasi, Unit Ladang dan juga subsidiarinya adalah seperti dalam **Buku Laporan dan Penyata Kewangan**.

## **3.0 KEPUTUSAN**

Mesyuarat Agung adalah dipohon untuk menimbang serta menerima Penyata Kewangan Teraudit Koperasi, Unit Ladang dan juga subsidiarinya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 seperti di dalam Buku Laporan dan Penyata Kewangan yang diedarkan.



**AGENDA : 5**  
**KERTAS BIL : MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN**  
**KMA.05/2016 2018**  
**BELANJAWAN 2017 DAN ANGGARAN BELANJAWAN**

## **1.0 TUJUAN**

Kertas ini adalah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Agung mengenai:-

- 1.1 Pindaan belanjawan untung rugi koperasi 2017 dan belanjawan untung rugi koperasi 2018.
- 1.2 Pindaan belanjawan untung rugi Unit Ladang 2017 dan belanjawan untung rugi Unit Ladang 2018.
- 1.3 Pindaan belanjawan aset tetap 2017 dan belanjawan aset tetap 2018.

## **2.0 BELANJAWAN AKAUN UNTUNG RUGI KOPERASI**

- 2.1 Pindaan belanjawan untung rugi Koperasi bagi tahun 2017 dan belanjawan untung rugi koperasi 2018 adalah seperti di **Lampiran A**.

## **3.0 BELANJAWAN AKAUN UNTUNG RUGI UNIT LADANG**

- 3.1 Pindaan belanjawan akaun untung rugi Unit Ladang bagi tahun 2017 dan belanjawan untung rugi unit ladang 2018 adalah seperti di **Lampiran B**.

## **4.0 BELANJAWAN ASET TETAP IBU PEJABAT DAN LADANG**

- 4.1 Pindaan belanjawan Aset Tetap Ibu Pejabat dan Ladang bagi tahun 2017 dan belanjawan Aset Tetap Ibu Pejabat dan Ladang bagi tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran C**.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN 2017 DAN BAJET 2018**

	<b>Sebenar</b> <b>2016</b>	<b>Bajet</b> <b>Asal</b> <b>2017</b>	<b>Pindaan</b> <b>2017</b>	<b>Bajet</b> <b>2018</b>
Keuntungan Bersih Tahun Semasa	35,111,995	35,234,284	33,277,625	36,313,551
<b>(Tolak) : Pembahagian Berkanun</b>				
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12%	4,213,439	3,748,114	3,993,315	4,357,626
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan	702,240	624,686	665,552	726,271
Koperasi - 2%				
